

JANGAN UTAMAKAN GANJARAN

UM 28 MAY 1982

KUALA LUMPUR, 27 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dukacita kerana kecenderungan mendapatkan ganjaran mula ketara dalam perjuangan UMNO sekarang.

Perdana Menteri dan Presiden UMNO itu bimbang jika kecenderungan ini berterusan, perpaduan dan disiplin parti akhirnya akan hancur.

Katanya, kecenderungan ini harus dibendung sekuat-kuatnya kerana perpaduan dan disiplin partilah yang menjadi asas kemajuan dan kestabilan negara hingga masa ini.

Dalam interviu khas dengan "Merdeka", lidah rasmi UMNO, keluaran terbaru, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian: Kebanyakan orang sekarang terlalu menitik-beratkan soal ganjaran yang boleh didapati dan bukannya perjuangan itu sendiri.

Bagaimanapun beliau

gembira kerana disiplin dalam UMNO masih ada walaupun ianya semakin merosot.

Perdana Menteri mahu ahli-ahli UMNO berusaha menghidupkan semangat perjuangan asal UMNO dalam diri masing-masing.

Maruah

"Dulu kita berjuang bukan untuk laba sendiri tetapi untuk memelihara maruah dan kehormatan bangsa."

"Bangsa kita akan hilang maruah dan segala ganjaran yang direbut-rebutkan itu juga akan lenyap jika ahli-ahli UMNO membenarkan perjuangan dikuasai oleh kepentingan diri sendiri." "ganjaran yang telah didapati darinya," kata

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi amaran masyarakat akan kucar-kacir dan negara akan hancur jika nafsu dibiarkan menguasai diri.

Sambil berkata perjuangan parti telah berjaya menghasilkan kemerdekaan, beliau kesal kerana sesudah merdeka "kita mulai hilang semangat dan tujuan."

Katanya, sebenarnya perjuangan mengisi kemerdekaan belum tamat lagi.

"Apabila kita telah mencapai kemerdekaan, kita menyangka yang matlamat perjuangan kita itu telah tercapai. Lepas itu apa yang kita fikirkan hanyalah bagaimana hendak merebut ganjaran yang telah didapati darinya," kata

beliau.

Beliau menegaskan perjuangan mengisi kemerdekaan di sini sama keadaannya dengan yang berlaku di dalam "Perang Uhud" di zaman kebangkitan Islam dulu.

Datuk Sri Dr. Mahathir memetik contoh Perang Uhud sebagai contoh hancurnya kekuatan akibat membelakangkan disiplin.

Di dalam peperangan itu, tentera Islam pada mulanya telah hampir berjaya mencapai kemenangan tetapi di saat itu juga bala tentera Islam mulai tamakkan harta rampasan dan mereka melupakan disiplin serta memecah barisan untuk merebutnya.

"Akibatnya, ialah kekalahan," tegas Perdana Menteri.